



## **Pertanian Kontrak sebagai satu kaedah memajukan petani kecil Melayu: Tanggapan dan penilaian komuniti tani tempatan di Zon Utara, Semenanjung Malaysia terhadap prestasi program Pertanian Kontrak FAMA**

Ratnawati Yuni Suryandari<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Jurusan Teknik Planologi, Fakulti Kejuruteraan, Universiti Indonusa Esa Unggul Jakarta, Indonesia

Correspondence: Ratnawati Yuni Suryandari (email: nratnawati@yahoo.com)

### **Abstrak**

Dalam rangka negara Malaysia meningkatkan pengeluaran makanan dan pertumbuhan ekonomi, serta menjadikan pertanian sebagai perniagaan, maka program Pertanian Kontrak diperkenalkan oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) sebagai satu mekanisme untuk membantu pengusaha pertanian berskala kecil dan sederhana memasarkan hasil tani mereka. Untuk melihat sejauhmana Pertanian Kontrak FAMA ini dapat berfungsi sebagai mekanisme yang berkesan dalam memajukan petani kecil Melayu maka sebuah kajian telah dijalankan di Zon Utara Semenanjung Malaysia pada awal tahun 2009 yang melibatkan kajiselidik terhadap 200 responden dari kalangan komuniti tani tempatan. Kertas ini memaparkan dapatan dari kajiselidik tersebut. Dapatan kajian menunjukkan bahawa projek Pertanian Kontrak FAMA pada umumnya ditanggapi oleh 51.0% komuniti tani tempatan sebagai kurang berjaya mengubah nasib petani yang menyertainya. Sebab-sebab yang ditanggapi mengapa dan bagaimana ini berlaku ialah (1) peserta projek Pertanian Kontrak tidak berjaya/berhenti separuh jalan kerana tanaman tidak menjadi akibat kurangnya penjagaan ladang.; (2) harga belian FAMA sentiasa rendah, iaitu lebih rendah dari harga pemborong luar atau harga pasaran semasa; (3) kos penjagaan ladang meningkat tinggi di mana persilangan antara harga belian FAMA yang masih rendah dengan kos penjagaan ladang yang meningkat tinggi menyebabkan pendapatan petani tidak mengalami peningkatan; dan (4) syarat-syarat FAMA yang rumit baik dari segi tahap kualiti mahupun kuantiti hasil ladang yang perlu ditepati oleh peserta. Sambil mengambil perhatian bahawa keadaan ini mencerminkan kepincangan di pihak institusi-institusi pelaksana pembangunan pertanian Malaysia sendiri, kertas ini menyimpulkan bahawa berdasarkan tanggapan dan penilaian komuniti tani tempatan yang dikaji projek Pertanian Kontrak FAMA setakat ini masih belum mampu berperanan sebagai satu kaedah yang berwibawa untuk memajukan petani kecil Melayu.

**Katakunci:** kajian persepsi, komuniti tani tempatan, pemasaran pertanian, penjagaan ladang, pertanian kontrak, petani kecil

### **Contract farming as a mechanism for developing Malay small-scale farmers: perception of a local farming community of the capability of the FAMA contract farming project in northern Peninsular Malaysia**

## Abstract

Within the current Malaysian context of enhancing domestic agrofood production and the 'agriculture -is - business' campaign the Federal Agricultural Marketing Authority of Malaysia (FAMA) has embarked on a Contract Farming project to assist small-scale farmers in marketing their produce, a move that should go a long way in turning them into successful agro-entrepreneurs. To gauge the performance of this project, a field study was conducted in the northern states of Peninsular Malaysia in early 2009 involving the administration of questionnaires on 200 respondents from local farming communities. It was found that the majority (51.0%) of them perceived the FAMA project as having been of a very limited success. Four reasons for the poor performance were cited viz.: (1) poor farm maintenance led participants to discontinue cultivation; (2) FAMA's below market purchase prices de-motivated participants; (3) steep maintenance costs compounded by FAMA's low purchase prices kept participants' incomes stagnant; and (4) FAMA's perceived unrealistic quantity and quality delivery terms. While noting that this situation reflects deeper shortcomings on the part of the various institutions related to Malaysian agricultural development, this paper concludes that given the negative perceptions of the local farming community observed, the FAMA contract farming project cannot as yet be regarded as capable of serving as a mechanism for the advancement of small scale Malay farmers.

**Keywords:** agricultural marketing, contract farming, farm maintenance, local farming community, perception study, small scale farmers

## Latar belakang

Kejadian krisis ekonomi 1997 telah membuat nilai ringgit merosot dan pengeluaran makanan untuk keperluan dalam negara berkurangan. Keadaan ini memaksa Perdana Menteri Mahathir mengkaji semula DPN 2 (1992-2010) dan mendokumenkan DPN 3 (1998-2010) untuk mencukupi aspek-aspek yang selama ini terabai dalam sektor pertanian negara. Antara aspek tersebut ialah peningkatan pengeluaran makanan, penerokaan punca pertumbuhan baru dalam sektor pertanian, pertautan dengan sektor lain, dan peningkatan daya saing sektor pertanian negara (Amriah, 2007).

Pada tahun 2003, Perdana Menteri Abdullah Badawi juga memperkenalkan elemen pertanian baru kepada petani, iaitu Pertanian adalah Perniagaan. Pertanian era baru tersebut bercirikan moden dan komersial, berteknologi tinggi, penggunaan bioteknologi dan teknologi maklumat serta melahirkan usahawan dan produk berkualiti untuk pasaran eksport. Agenda pertanian negara kini juga menetapkan pertanian sebagai enjin ketiga pertumbuhan ekonomi selain pembuatan dan perkhidmatan (Harizamrry, 2009).

Dalam rangka meningkatkan pengeluaran makanan dan pertumbuhan ekonomi, serta menjadikan pertanian sebagai perniagaan, maka program Pertanian Kontrak diperkenalkan oleh Lembaga pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) sebagai satu mekanisme untuk membantu pengusaha pertanian berskala kecil dan sederhana daripada segi pemasaran. Pertanian Kontrak FAMA juga merupakan salah satu Projek Impak Tinggi daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Ianya merupakan program yang bersifat pengeluaran disamping dua program lain iaitu National Feedlot Centre dan juga Taman Kekal Pengeluaran Makanan (Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia, 2009).

Pertanian Kontrak pada umumnya melibatkan elemen-elemen berikut: harga, kuantiti, kualiti, keluasan pertanian, dan tempoh kontrak yang telah persetujuan di antara syarikat dengan petani. Dalam sistem ini syarikat yang mengkontrak membekalkan semua input yang diperlukan sementara petani membekalkan tanah dan tenaga kerja. Bagaimanapun, syarat dan sifat kontrak berbeza mengikut jenis tanaman atau ternakan, agensi yang terlibat, petani sendiri, teknologi dan konteks kontrak diwujudkan. Umumnya, penyertaan petani adalah terhad kepada pengeluaran di ladang (Baumann, 2000).

Globalisasi telah menjadikan pertanian kontrak sebagai instrumen realistik dalam pembangunan pertanian di sesebuah negara. Bagaimanapun, supaya pertanian kontrak benar-benar


dapat memainkan peranan positif, maka regulasi diperlukan. FAO, misalnya telah menerbitkan panduan pertanian kontrak (Eaton & ShepHerd, 2001). Kerajaan Malaysia juga melihat pertanian kontrak sebagai imperatif kepada pembangunan semula sektor pertanian negara (Dato' Abd. Rahim H. Ahmad, 2006), dan sehubungan itu telah pun mengambil langkah awal untuk merangka undang-undang mengawal selia pertanian tersebut (Utusan Malaysia, 2006).

Secara relatif, Pertanian Kontrak adalah perkara baru dalam kehidupan petani kecil Melayu di Malaysia. Kebanyakan mereka ini meragui kehadiran dan peranan sektor swasta dalam memajukan pertanian mereka (Amriah 2001; 2007). Namun penyertaan mereka di dalam Pertanian Kontrak bukan saja berpotensi memperkasakan semula sektor pertanian Malaysia, tetapi juga menjamin kelestarian mereka sendiri.

Kajian mengenai Pertanian Kontrak FAMA telah dilaksanakan di Zon Utara Semenanjung Malaysia pada awal tahun 2009, dengan bilangan responden sebanyak 94 petani peserta Pertanian Kontrak. Daripada kajian awal didapati bahawa projek Pertanian Kontrak FAMA pada umumnya kurang berjaya mengubah nasib petani peserta Pertanian Kontrak di mana mereka masih terkekang oleh kualiti dan kuantiti hasil tani mereka yang rendah. Kualiti dan kuantiti hasil tani mereka masih belum mencapai tahap kualiti dan kuantiti yang dikehendaki FAMA (Amriah & Suryandari, 2009). Artikel ini bertujuan untuk mengenalpasti profil komuniti tani tempatan dan memeriksa tanggapan dan penilaian komuniti tani tempatan terhadap projek Pertanian Kontrak FAMA.

### Data, kaedah dan kawasan kajian

Dalam kajian ini kaedah kerja lapangan digunakan di mana seramai 200 orang petani kecil Melayu yang tidak/belum terlibat dengan Pertanian Kontrak di temusehdik. Kawasan kajian



Rajah 1. Lokasi kajian

adalah di daerah Langkawi (Kedah) dan Barat Daya (Pulau Pinang) yang merupakan bahagian dari Zon Utara Semenanjung Malaysia (Rajah 1). Pemilihan Zon Utara adalah atas andaian bahawa di Zon Utara terdapat aktiviti Pertanian Kontrak di mana ianya gabungan dua faktor penting: (1) Zon Utara merupakan jelang pertanian bagi petani Melayu; dan (2) Zon Utara juga merupakan kawasan perindustrian. Wujudnya Pertanian Kontrak di sekitar kawasan mereka membolehkan petani kecil Melayu yang tidak/belum terlibat dengan Pertanian Kontrak membuat penilaian terhadap kegiatan Pertanian Kontrak dan di temuselidik. Data primer yang diperolehi adalah mengenai tanggapan dan penilaian komuniti tani tempatan terhadap pelaksanaan projek Pertanian Kontrak FAMA dengan menggunakan soalan-soalan terstruktur dan senarai semak yang seragam terdapat pada borang kaji selidik yang merujuk kepada kerja lapangan pada tahun 2009.

## Hasil kajian dan perbincangan

### *Ciri-ciri umum responden*

Responden yang di temuselidik adalah seramai 200 orang, di mana 100 orang berlokasi di Daerah Langkawi (Kedah) yang tersebar di Kampung Bayas, Bukit Temin, Ewa, Kok, Kubang Badak, dan Teluk Yu. Manakala 100 responden lainnya berlokasi di Daerah Barat Daya (Pulau Pinang) yang tersebar di Kampung Genting, Perlis, Sungai Burung, Teluk Bahang dan Titi Teras (Jadual 1).

Mengikuti Jadual 2 responden yang di temuselidik berumur antara 21 tahun hingga lebih dari 70 tahun. Bagaimanapun, sebahagian besar responden (34%) adalah berumur 51 hingga 60 tahun. Responden yang berumur lebih dari 60 tahun membentuk 30.5%. Ini memberikan gambaran bahawa sebahagian besar petani (64.5%) di kawasan kajian adalah berumur tua.

**Jadual 1. Bilangan responden mengikut kampung**

Nama kampung	Daerah		Bil. responden	Peratus
	Langkawi / Kedah	Barat Daya / Pulau Pinang		
Kg Bayas	13	0	13	6.5
Kg Bukit Temin	8	0	8	4.0
Kg Ewa	16	0	16	8.0
Kg Genting	0	18	18	9.0
Kg Kok	10	0	10	5.0
Kg Kubang Badak	41	0	41	20.5
Kg Perlis	0	30	30	15.0
Kg Sungai Burung	0	22	22	11.0
Kg Teluk Bahang	0	10	10	5.0
Kg Teluk Yu	12	0	12	6.0
Kg Titi Teras	0	20	20	10.0
Jumlah	100	100	200	100.0

**Jadual 2. Umur responden**

Bil	Umur	Bilangan	Peratus
1	21 – 30	3	1.5
2	31 - 40	17	8.5
3	41 – 50	51	25.5
4	51 - 60	68	34.0
5	61 – 70	49	24.5
6	> 70	12	6.0
	Jumlah	200	100.0

Mengikut Jadual 3. sebahagian besar responden adalah laki-laki (80.5%), sedangkan responden yang berjantina perempuan dalam kadar yang kecil (19.5%). Sebahagian besar responden adalah Melayu, sedangkan yang berkaum Cina hanya membentuk 4% (Jadual 4).

**Jadual 3. Jantina**

Bil	Jantina	Bilangan	Peratus
1	Laki-laki	161	80.5
2	Perempuan	39	19.5
	Jumlah	200	100.0

**Jadual 4. Kaum**

Bil	Kaum	Bilangan	Peratus
1	Melayu	192	96.0
2	Cina	8	4.0
	Jumlah	200	100.0

Sebahagian besar responden telah berkahwin (97%), manakala responden yang masih bujang dan pernah berkahwin kadarnya sangat kecil, di mana masing-masing membentuk 1.5% (Jadual 5). Mengikut Jadual 6. bagi responden yang berkahwin, sebahagian besar daripada mereka (55.5%) mempunyai bilangan anak lebih dari 5 anak. Bilangan anak yang ramai ini merupakan salah satu ciri-ciri petani kecil Melayu.

**Jadual 5. Status perkahwinan**

Bil	Kaum	Bilangan	Peratus
1	Berkahwin	194	97.0
2	Bujang	3	1.5
3	Pernah berkahwin	3	1.5
	Jumlah	200	100.0

**Jadual 6. Bilangan ahli keluarga**

Bil	Bilangan ahli keluarga	Bilangan	Peratus
1	0	1	.5
2	1	1	.5
3	2	5	2.5
4	3	25	12.5
5	4	57	28.5
6	> 5	111	55.5
	Jumlah	200	100.0

*Kesedaran terhadap kewujudan projek Pertanian Kontrak FAMA*

Mengikut Jadual 7. semua responden yang di temuselidik pernah mendengar tentang projek Pertanian Kontrak FAMA di mana sumber pengetahuan sebahagian besar responden (38%) tentang projek Pertanian Kontrak adalah dari television, dari jiran (34%) dan dari pegawai FAMA (32%). Manakala sumber pengetahuan responden tentang projek Pertanian Kontrak yang berasal dari jiran peserta Pertanian Kontrak dalam kadar yang kecil iaitu 15.5% (Jadual 8).

**Jadual 7. Adakah anda pernah mendengar tentang projek Ladang Kontrak FAMA?**

Bil	Adakah anda pernah mendengar tentang projek Pertanian Kontrak FAMA?	Bilangan	Peratus
1	Pernah	200	100.0
2	Tidak pernah	0	0.0
	Jumlah	200	100.0

**Jadual 8. Susun taraf sumber pengetahuan responden tentang projek Pertanian Kontrak FAMA**

Susun taraf	Sumber pengetahuan responden tentang projek Pertanian Kontrak FAMA	Bilangan	Peratus
1	Television	76	38.0
2	Jiran	68	34.0
3	Pegawai FAMA	64	32.0
4	Jiran peserta Pertanian Kontrak	31	15.5
5	Pegawai Jabatan Pertanian	22	11.0
6	Ahli keluarga	17	8.5
7	Ketua Kampung	15	7.5
8	Akhbar	9	4.5
9	Lain-lain (pamlet dan kawan)	9	4.5
10	PPK	5	2.5

Mengikut Jadual 9. pengetahuan sebahagian besar responden (76%) adalah bahawa FAMA menjamin pemasaran. Beberapa pengetahuan responden yang lain tentang FAMA ialah FAMA hanya indah khabarnya tidak seperti kenyataannya (10%), petani boleh mengikuti syarat-syarat yang ditentukan oleh FAMA (8.5%). Responden yang mengetahui bahawa FAMA menjamin pembayaran dan harga belian FAMA mengikut harga pasaran semasa dalam kadar yang kecil, iaitu masing-masing membentuk 2.0%.

**Jadual 9. Susun taraf pengetahuan responden tentang FAMA**

Susun taraf	Pengetahuan responden tentang FAMA	Bilangan	Peratus
1	FAMA menjamin pemasaran	152	76.0
2	Lain-lain (indah khabar dari rupa)	20	10.0
3	Pengeluar mengeluarkan produk mengikut syarat-syarat yang ditentukan FAMA	17	8.5
4	FAMA menjamin pembayaran	4	2.0
5	Harga belian FAMA sesuai harga pasaran semasa	4	2.0

*Reaksi setelah mengetahui projek Pertanian Kontrak FAMA*

Reaksi sebahagian besar responden (59.5%), setelah mengetahui projek Pertanian Kontrak FAMA adalah berminat tetapi mereka tidak menyertai projek tersebut. Responden yang berminat dan menyertai projek tersebut sebesar 23%, responden yang tidak berminat dan tidak menyertai projek

tersebut mencapai 24%, manakala responden yang tidak berminat tetapi menyertai projek Pertanian Kontrak FAMA dalam kadar yang kecil iaitu 3.5% (Jadual 10).

**Jadual 10. Tanggapan responden tentang projek Pertanian Kontrak FAMA**

Bil	Adakah anda berminat dengan projek Pertanian Kontrak FAMA?	Bilangan	Peratus
1	Berminat dan menyertai	46	23.0
2	Berminat dan tidak menyertai	119	59.5
3	Tidak berminat dan menyertai	7	3.5
4	Tidak berminat dan tidak menyertai	28	14.0
	Jumlah	200	100.0

Mengikut Jadual 11. alasan utama jika responden berminat tetapi tidak menyertai projek Pertanian Kontrak FAMA adalah faktor usia dan kesihatan responden (20%). Ini sesuai dengan Jadual 2. di mana sebahagian besar responden adalah berumur lebih dari 51 tahun. Faktor usia telah menghalang mereka untuk menyertai projek tersebut. Beberapa alasan lainnya dalam kadar yang kecil ialah; tiada sokongan dari ahli keluarga (11.5%), keluasan ladang tidak sesuai (11.0%), responden sudah mempunyai pekerjaan lain (10%) dan responden sudah menyertai projek pertanian berkelompok (8.0%) di mana mengikut mereka projek berkelompok ini lebih menguntungkan berbanding dengan menyertai projek Pertanian Kontrak.

Beberapa alasan responden lainnya dalam kadar yang kecil ialah; jenis tanaman mereka tidak sesuai untuk menyertai Pertanian Kontrak (6%), syarat FAMA sukar untuk dipenuhi (6%), harga belian FAMA sentiasa rendah (4%) dan kos penjagaan ladang meningkat tinggi (1.5%).

**Jadual 11. Susun taraf alasan-alasan jika responden berminat tetapi tidak menyertai projek Pertanian Kontrak FAMA**

Susun taraf	Alasan-alasan jika responden berminat tetapi tidak menyertai projek Pertanian Kontrak FAMA	Bilangan	Peratus
1	Faktor usia dan kesihatan petani	40	20.0
2	Tiada sokongan dari ahli keluarga	23	11.5
3	Keluasan ladang tidak sesuai	22	11.0
4	Mempunyai pekerjaan lain	20	10.0
5	Menyertai projek kelompok pertanian	16	8.0
6	Jenis tanaman tidak sesuai	12	6.0
7	Syarat FAMA sukar untuk dipenuhi	12	6.0
8	Harga belian FAMA sentiasa rendah	8	4.0
9	Kos penjagaan ladang meningkat tinggi	3	1.5

Mengikut Jadual 12. sebahagian besar responden (65%) mengetahui tentang beberapa penduduk/jiran di kawasan responden yang menyertai projek Pertanian Kontrak FAMA, responden tidak mengetahui bahawa penduduk/jiran mereka merupakan peserta projek Pertanian Kontrak sebanyak 20%, sedangkan responden yang menjawab tidak pasti sebanyak 15%. Manakala mengikut Jadual 13. sebahagian besar responden (41%) tidak mengetahui sesiapa yang menyertai projek pertanian Kontrak FAMA. Responden yang mengetahui sesiapa yang menyertai projek Pertanian Kontrak FAMA sebesar 30%, sedangkan responden yang menjawab tidak pasti sebanyak 29%. Ini memberikan gambaran bahawa petani mengetahui peserta Pertanian Kontrak hanya di kawasan yang berhampiran dengan kawasan mereka.

**Jadual 12. Pengetahuan responden tentang penduduk di kawasan responden yang menyertai projek Pertanian Kontrak FAMA**

Bil	Adakah anda tahu tentang penduduk di kawasan anda yang menyertai projek Pertanian Kontrak FAMA?	Bilangan	Peratus
1	Mengetahui	130	65.0
2	Tidak mengetahui	40	20.0
3	Tidak pasti	30	15.0
	Jumlah	200	100.0

**Jadual 13. Pengetahuan responden tentang sesiapa yang menyertai projek Pertanian Kontrak FAMA**

Bil	Adakah anda tahu sesiapa yang menyertai projek Pertanian Kontrak FAMA?	Bilangan	Peratus
1	Mengetahui	60	30.0
2	Tidak mengetahui	82	41.0
3	Tidak pasti	58	29.0
	Jumlah	200	100.0

Mengikut Jadual 14 penilaian sebahagian besar responden tentang projek Pertanian Kontrak FAMA adalah sederhana saja (49%). Responden yang menyatakan bahawa Pertanian Kontrak FAMA adalah bagus sebanyak 32.5%, sedangkan responden yang menyatakan tidak bagus sebanyak 17.5%.

Daripada aspek tanaman dan hasilnya, boleh dikatakan bahawa hasil ladang menjadi, tetapi sebahagian besar tidak memenuhi kualiti yang dikehendaki oleh FAMA. Daripada aspek harga belian FAMA dan pendapatan petani boleh dikatakan bahawa harga belian FAMA sentiasa rendah, sedangkan kos penjagaan ladang sangat tinggi. Oleh itu pendapatan petani tidak boleh meningkat. Penilaian sebahagian responden tentang aspek-aspek lainnya seperti sifat/keadaan kerja, pengangkutan dan pemasaran, khidmat dari Jabatan Pertanian dan agensi lainnya adalah sederhana saja (Jadual 15).

**Jadual 14. Penilaian responden secara umum tentang projek Pertanian Kontrak FAMA**

Bil	Penilaian responden secara umum tentang projek Pertanian Kontrak FAMA	Bilangan	Peratus
1	Bagus	65	32.5
2	sederhana	98	49.0
3	Tidak bagus	35	17.5
4	Tidak pasti	2	1.0
	Jumlah	200	100.0

Mengikut Jadual 16. beberapa pendapat/cadangan yang diberikan oleh responden untuk memperbaiki projek Pertanian Kontrak FAMA adalah; harga belian FAMA sebaiknya lebih tinggi dari harga pemborong luar atau mengikuti harga pasaran semasa (32%), FAMA sebaiknya tidak mempersoalkan kualiti dan kuantiti hasil ladang peserta Pertanian Kontrak (23%), bekalan input sebaiknya disediakan secara percuma oleh Jabatan Pertanian/agensi lainnya (11%), pihak FAMA sebaiknya menambah jenis tanaman yang boleh menyertai projek Pertanian Kontrak (5.0%) dan Jabatan Pertanian/agensi lainnya sebaiknya memberi khidmat nasihat yang berkesan (1.5%).



**Jadual 15. Aspek-aspek penilaian tentang projek Pertanian Kontrak FAMA**

Bil	Aspek-aspek penilaian tentang projek Pertanian Kontrak FAMA	Keterangan	Penilaian
1	Tanaman dan hasilnya	Hasil menjadi tetapi tidak memenuhi kualiti FAMA	Sederhana
2	Harga belian FAMA dan pendapatan petani	Harga belian FAMA sentiasa rendah, pendapatan petani tidak meningkat	Sederhana
3	Sifat/keadaan bekerja	Kerja teruk, modal tidak cukup	Sederhana
4	Pengangkutan dan pemasaran	FAMA menyediakan pengangkutan	Sederhana
5	Khidmat dari Jabatan Pertanian dan agensi lainnya	Tersedia kursus dan latihan	Sederhana

**Jadual 16. Cadangan yang responden berikan, jika penilaian responden adalah sederhana/tidak bagus**

Susun taraf	Jika penilaian anda adalah sederhana/tidak bagus, apakah cadangan responden?	Bilangan	Peratus
1	Harga belian FAMA lebih tinggi dari harga pemborong luar	64	32.0
2	FAMA tidak mempersoalkan kualiti dan kuantiti hasil ladang petani	46	23.0
3	Bekalan input disediakan secara percuma oleh Jabatan Pertanian/agensi lainnya	22	11.0
4	FAMA menambah jenis tanaman yang boleh menyertai projek Pertanian Kontrak	10	5.0
5	Jabatan Pertanian/agensi lainnya memberi khidmat nasihat yang berkesan	3	1.5

Mengikut Amriah Buang dan Suryandari (2009), didapati bahawa masalah-masalah yang terpaksa petani hadapi dalam menjalankan projek Pertanian Kontrak FAMA adalah (1) harga belian FAMA lebih rendah berbanding dengan harga pemborong luar/harga pasaran semasa, (2) kos penjagaan ladang meningkat tinggi dan (3) kualiti dan kuantiti hasil ladang petani belum mencapai tahap kualiti dan kuantiti yang dikehendaki oleh FAMA. Kenyataan ini sesuai dengan pendapat yang diberikan oleh komuniti tani tempatan bukan peserta Pertanian Kontrak seperti Jadual 16. di atas di mana mereka mencadangkan bahawa harga belian FAMA sebaiknya dibaikpulih, FAMA tidak mempersoalkan kualiti dan kuantiti hasil ladang peserta Pertanian Kontrak dan bekalan input disediakan secara percuma oleh Jabatan Pertanian kerana petani tidak mampu membelinya.

Peserta projek Pertanian Kontrak ini terdiri dari 2 jenis, iaitu mereka yang berjaya dan tidak berjaya atau berhenti separuh jalan. Mengikut Jadual 17 perubahan yang wujud bagi peserta yang berjaya adalah mengubah suai rumah (37%), membeli kereta baru (25.5%), pergi haji (15%) dan membeli rumah baru (14.5%). Manakala, responden yang menyatakan bahawa peserta Pertanian Kontrak tiada sebarang perubahan sebanyak 14.5%.

Mengikut Jadual 18 sebahagian besar responden (51.0%) menyatakan bahawa faktor utama yang menyebabkan peserta projek Pertanian Kontrak tidak berjaya/berhenti separuh jalan adalah tanaman tidak menjadi akibat kurangnya penjagaan ladang. Faktor-faktor yang lainnya ialah; kualiti hasil tani tidak seperti yang dikehendaki oleh FAMA (39%) dan masalah permodalan (8%).

**Jadual 17. Susun taraf jenis perubahan yang wujud bagi peserta projek Pertanian Kontrak**

Susun taraf	Apakah perubahan yang wujud bagi peserta projek Pertanian Kontrak FAMA?	Bilangan	Peratus
1	Membeli kereta baru	51	25.5
2	Membeli rumah baru	29	14.5
3	Mengubah suai rumah	74	37.0
4	Pergi haji	30	15.0
5	Tiada perubahan	29	14.5
6	Lain-lain (misalnya boleh membayar hutang bank)	3	1.5

**Jadual 18. Faktor-faktor yang menyebabkan peserta projek tidak berjaya/berhenti separuh jalan**

Bil	Faktor-faktor yang menyebabkan peserta projek tidak berjaya/berhenti separuh jalan	Bilangan	Peratus
1	Tanaman tidak menjadi akibat kurang penjagaan ladang	102	51.0
2	Tanaman tidak menjadi akibat masalah cuaca	1	0.5
3	Kualiti barang tidak seperti yang dikehendaki oleh FAMA	78	39.0
4	Kuantiti barang tidak seperti yang dikehendaki oleh FAMA	3	1.5
5	Masalah permodalan	8	4.0
6	Tidak tahu	8	4.0
	Jumlah	200	100.0

Sebahagian besar responden (65%), merasa tidak menyesal tidak menyertai projek Pertanian Kontrak FAMA, sedangkan responden yang merasa menyesal atau terkilan hanya 32.5% (Jadual 19). Alasan yang diberikan oleh sebahagian besar responden (47.7%) jika mereka tidak menyesal tidak menyertai projek Pertanian Kontrak FAMA adalah responden boleh membuat pemasaran sendiri. Alasan responden lainnya dalam kadar yang juga tinggi (46.1%) adalah bahawa harga belian FAMA lebih rendah dari harga pasaran semasa. Manakala alasan-alasan lain seperti projek Pertanian Kontrak FAMA tidak berjaya mengubah nasib petani dan responden tiada tanah ladang sendiri, masing-masing membentuk 3.8% dan 2.3% (Jadual 20).

**Jadual 19. Tanggapan responden jika mereka tidak menyertai projek Pertanian Kontrak**

Bil	Jika anda tidak menyertai projek tersebut, adakah anda menyesal?	Bilangan	Peratus
1	Menyesal/terkilan	65	32.5
2	Tidak menyesal	130	65.0
3	Tidak pasti	5	2.5
	Jumlah	200	100.0

**Jadual 20. Alasan-alasan yang diberikan jika responden tidak menyesal tidak menyertai projek Pertanian Kontrak**

Bil	Berikan alasan anda jika tidak menyesal	Bilangan	Peratus
1	Harga belian FAMA lebih rendah dari harga pasaran semasa	60	46.1
2	Responden boleh membuat pemasaran sendiri	62	47.7
3	Projek Pertanian Kontrak FAMA tidak berjaya mengubah nasib petani	5	3.8
4	Tiada tanah ladang sendiri	3	2.3
	Jumlah	130	100.0

Mengikut Jadual 21. didapati bahawa cara-cara yang dicadangkan responden agar projek Pertanian Kontrak FAMA boleh diperbaiki adalah; (1) Harga FAMA dibaikpulih, (2)

menghidupkan Pertubuhan Peladang Kawasan, (3) FAMA sebaiknya menyediakan kilang bagi memproses buah-buahan/sayur-sayuran, (4) FAMA diperbadankan, sebaiknya bukan di bawah Kerajaan dan (5) FAMA sebaiknya menambah jenis dan varieti hasil ladang yang dibenarkan menyertai projek Pertanian Kontrak.

**Jadual 21. Susun taraf cara-cara projek Pertanian Kontrak FAMA boleh diperbaiki**

Susun taraf	Bagaimana cara projek Pertanian Kontrak FAMA boleh diperbaiki?	Bilangan	Peratus
1	Harga FAMA dibaikpulih, jangan menekan harga	150	75.0
2	Menghidupkan Pertubuhan Peladang Kawasan	40	20.0
3	FAMA menyediakan kilang memproses buah-buahan/sayur-sayuran, tidak mengambil hasil ladang yang segar sahaja	29	14.5
4	FAMA diperbadankan, bukan di bawah kerajaan	23	11.5
5	FAMA menambah jenis dan varieti hasil ladang yang dibenarkan menyertai Pertanian Kontrak	23	11.5

### Rumusan dan kesimpulan

Daripada huraian di atas boleh dirumuskan bahawa beberapa masalah yang dihadapi oleh petani peserta pertanian Kontrak FAMA adalah harga belian FAMA sentiasa rendah. Malangnya harga belian FAMA lebih rendah dari harga pemborong luar atau harga pasaran semasa. Masalah yang lain adalah kos penjagaan ladang meningkat tinggi. Ini menyebabkan tanaman tidak menjadi kerana kurangnya penjagaan ladang. Persilangan antara harga belian FAMA yang masih rendah dengan kos penjagaan ladang yang meningkat tinggi menyebabkan pendapatan petani tidak mengalami peningkatan.

Masalah lain yang dihadapi petani adalah syarat-syarat daripada FAMA adalah rumit mengikut tanggapan mereka. Keadaan ini dicirikan dengan tahap kualiti dan kuantiti hasil ladang petani yang masih belum mencapai kepada tahap kualiti dan kuantiti yang dikehendaki FAMA. Oleh itu prestasi pengeluaran petani peserta Pertanian Kontrak mengalami kegagalan. Keadaan ini pada tahap yang lebih mendalam sebenarnya mencerminkan kegagalan jabatan-jabatan yang bertanggung jawab dalam memperkasakan segmen pengeluaran pertanian di negara ini.

Berdasarkan tanggapan dan penilaian komuniti tani tempatan terhadap pelaksanaan projek Pertanian Kontrak FAMA didapati bahawa sebahagian besar dari mereka tidak menyesal tidak menyertai projek Pertanian Kontrak FAMA. Ini mencerminkan bahawa projek tersebut sebenarnya kurang bererti bagi mereka kerana ianya tidak boleh meningkatkan pendapatan petani peserta Pertanian Kontrak.

Daripada rumusan di atas boleh disimpulkan bahawa projek Pertanian Kontrak FAMA pada umumnya kurang berjaya sebagai satu kaedah untuk memajukan petani kecil Melayu.

### Rujukan

- Amriah Buang (2001) *Explaining farmers' wellbeing-An exercise in comparative approaches*. Univision Press, Kuala Lumpur.
- Amriah Buang (2007) *Pertanian kecil Melayu dan kelestariannya*. Penerbit UKM, Bangi.
- Amriah Buang, Suryandari RY (2009) Pertanian Kontrak sebagai satu kaedah memajukan petani kecil Melayu – dapatan awal dari Zon Utara Semenanjung Malaysia. *Prosiding Seminar UNHAS-UKM "SERUMPUN IV"*. Universiti Kebangsaan Malaysia, 4-5 July.

- Baumann P (2000) Equity and efficiency in contract farming schemes: The experience of agricultural tree crops. Working paper 139. Overseas Development Institute, UK.
- Dato' Abd. Rahim bin Haji Ahmad (2006) Agricultural cooperatives in Malaysia: Innovations and opportunities in the process of transition towards the 21st century model. Paper presented in the 2006 FFTC-NACF International Seminar on Agricultural Cooperatives in Asia: Innovations and Opportunities in the 21<sup>st</sup> Century. Seoul, Korea, 11-15 September.
- Eaton C, Shepherd AW (2001) Contract farming; partnerships for growth. FAO Agricultural Services Bulletin. FAO, Rome.
- Harizamrry (2009) Abdullah dan Jeanne berkongsi gembira di kebun [Cited 25 August 2009]. Available from: <http://harizamrry.wordpress.com>.
- Kementrian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia (2008) Projek impak tinggi [Cited 20 December 2008]. Available from: [http://www.moa.gov.my/projek\\_impak\\_tinggi](http://www.moa.gov.my/projek_impak_tinggi).
- Singh S (2005) Role of the state in contract farming in Thailand: Experience and lessons. *ASEAN Economic Bulletin* 22(2), 217-228.
- Utusan Malaysia (2006) 5 projek berimpak tinggi dirangka. 1 August.